



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 13 MAC 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	STATUS PUSAT PEMROSESAN MAKANAN FAMA, PARLIMEN, HAKAKAH -H22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2. 3.	WEEDING OUT WEEVILS IN RICE, NATION, THE STAR -4 DNA CHECK ON RICE BY MARDI TO FOIL MIXERS, NATION, THE STAR -4	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4. 5. 6.	PERLIS TERKECIL, POTENSI TERBESAR, FIKRAH, MUKA DEPAN, F1 TRANSFORMASI KE ARAH KETERJAMINAN MAKANAN, PENINGKATAN EKONOMI, FOKUS, HAKAKAH -F2 ILHAM DARI POPCORN: PASANGAN SUAMI ISTERI TANAM VANILLA, FOKUS, HAKAKAH -F3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2025	HARAKAH	PARLIMEN	H22

Status pusat pemprosesan makanan FAMA

JAMALUDIN Yahya (PN-Pasir Salak) meminta kerajaan menjelaskan sama ada Pusat Pemprosesan Makanan FAMA (PMMF) di Kuala Selangor masih beroperasi dalam pengeluaran santan.

Selain itu, beliau ingin tahu sejauh mana usaha penambahbaikan terha-

dap penyelidikan dan pembangunan (R&D) kelapa dijalankan.

Beliau juga mempersoalkan sejauh mana kerajaan bercadang untuk menambah baik R&D dalam varieti kelapa tinggi hasil serta amalan agronomi yang boleh meningkatkan kecekapan pengeluaran.

Weeding out weevils in rice

Rigorous checks will ensure there is no infestation of the insect

By ZAKIAH KOYA
zakiah@thestar.com.my

PETALING JAYA: Stringent checks will be carried out to ensure that rice sold in the market is free from weevil infestation, says Agriculture and Food Security Ministry deputy secretary-general Datuk Badrul Hisham Mohd.

He said rice millers and packers are required to conduct routine clean-ups every three months to prevent infestation.

"Weevils often go unnoticed in sealed rice bags as they exist in egg form.

"Once the bag is opened, the eggs hatch, leading to complaints from consumers who purchased the rice packs," he said.

Badrul Hisham, who is the padi and rice regulatory director-general, said retailers and wholesalers must ensure fumigation and polishing are done to eliminate weevil eggs.

Although authorities cannot regulate how long rice is kept in stores, officers will monitor how much rice is kept at any given location.

Warehouse inspections are carried out by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, while retail rice bags are checked by the ministry's enforcement division to ensure quality is maintained.

Domestic Trade and Cost of



Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali (pic) called on rice industry players to ensure that the rice sold is of top quality and free from weevils.

This includes regular fumigation, polishing, and repacking to maintain standards, following numerous consumer complaints about weevils in newly-purchased rice.

He said recent inspections at supermarkets in the Klang Valley found that consumers are more attentive when they buy rice packs in checking for signs of infestation.

He added that: "Hoarding is a serious offence that disrupts the market and can lead to artificial shortages and price increases.

"In some cases, hoarding contributes to the circulation of lower-quality rice if storage conditions are inadequate.

"We take firm action against hoarding under the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011.

"This Act provides us with the power to investigate and seize hoarded rice and impose hefty penalties on those found guilty, including fines and imprisonment."

Armizan also called on consumers to report artificial rice shortages in the market, and urged consumers to report suspected hoarding of rice or poor-quality rice to the ministry's branches.

Reports should include details such as the brand of rice, location, and observations about rice quality.

He highlighted the importance of collaboration with the Agriculture and Food Security Ministry to regulate the rice industry comprehensively.

To strengthen enforcement, Armizan said the Domestic Trade and Cost of Living Ministry collaborates with the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) for DNA tracking, while it works with the Chemistry Department to improve standard operating procedures for enforcement, evidence handling, and prosecution.

Meanwhile, Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Ameer Ali Mydin said retailers will bear the financial losses when there is a rice infestation as suppliers refuse to accept returns.

"If we overstock rice and store

it in a warm place, bugs will develop," he said, advising consumers to always wash their rice before cooking.

Consumer Ariani Abdullah, 43, from Subang Jaya, Selangor, said she will check the bags of rice at the shops for holes before buying them.

"If small holes are evident, then it means that insects or weevils may have crawled in.

"Wholesalers keep many bags of rice in their warehouses and the rice might have been there for months before they reached the shops," she said.

Ariani said there were times when even a week-old bag of rice had weevils in it.

Jamaliah Budin, 55, from Taman Medan here, said that she does not buy much rice to keep.

"During the fasting month, we will get lots of donated rice.

"Sometimes, they end up in the bin due to weevils.

"Last year, my neighbours and I received 30kg of rice each from donors. But we ended up throwing half of it out as our flats are humid and we don't know if the rice came with weevil eggs.

"We don't have space in our low-cost flats to sun the rice to get rid of the eggs," she said.

Jamaliah hoped that those who want to give donations to B40 groups would donate cash so that they can use it to buy rice.

DNA check on rice by Mardi to foil mixers

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

PUTRAJAYA: A newly-developed "DNA fingerprinting" technology will be used to ensure that imported rice sold in Malaysia is not mixed with local rice.

The technology, developed by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi), can accurately determine the genetic composition of rice and trace its origins.

The Chemistry Department will also work with Mardi to stop the practice of rice adulteration, says Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

"This illegal practice of mixing exploits lower-priced local rice for greater profit," he said.

Armizan said the ministry's Enforcement Division will focus on rice sold under the "Super Import" category – identified by its blue packaging.

"Rice under this category must contain 100% imported rice. If blue-labelled 'Super Import' packs are found to contain local rice, it is against the law," he added.

The ministry's enforcement director-general Datuk Azman Adam said 300 bags of rice had been seized from 213 packaging and manufacturing premises under Ops Campur.

"The total value of the seized rice is RM15,321. All the confiscated rice will be sent to Mardi for analysis," he said.

Ops Campur, conducted in



No room for cheating: Mardi's newly-developed technology can accurately determine the genetic composition of rice and trace its origins. — Filepic

collaboration with Mardi and the Chemistry Department, involves the inspection of 2,000 rice manufacturing and packaging premises, and is expected to be completed within a month.

"A total of 2,400 enforcement officers have been mobilised to collect samples quickly," Azman added.

Anyone found guilty of mixing rice and selling it under false labels can be fined up to RM100,000 or jailed up to three years, or both.

Companies found guilty can be fined up to RM250,000.

Meanwhile, Mydin Hypermarket managing director Datuk Ameer Ali Mydin said the mixing

of imported and local rice has long been a common industry practice to maintain quality, not just for profit.

He said many importers mixed local rice with imported rice because the quality of imported rice was often inconsistent.

"Sometimes imported rice, especially from Cambodia or Vietnam, isn't very good – unless it's premium," he said.

Ameer said that while 100% imported rice, such as fragrant or basmati rice, is usually not mixed, the Super Tempatan 5% (ST5) variety is often blended with local rice to improve quality.

"ST5 rice is usually mixed with

local rice to reach a better standard. Technically, local rice is a controlled item and shouldn't be mixed, but everyone in the industry has been doing it," he said.

He noted that the government's plans to check the mixing could be challenging.

"There are millions of rice packets sold every day. The only way to control this is to monitor the mills. Enforcement should focus on them, not small traders," Ameer said.

He also questioned the quality of rice in the market, pointing out that even imported rice often appears to be of substandard quality.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/3/2025	HARAKAH	FIKRAH	F1

Perlis terkecil, potensi terbesar



TEPI TEPAK di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan negara Thailand di utara, negeri Kedah di selatan dan Selat Melaka di barat, sebagai sebuah negeri yang terkecil di Malaysia dengan keluasan sebanyak 801 kilometer persegi, Perlis sebaliknya memiliki potensi besar,

terutama dalam sektor pertanian. Memiliki hamparan tanah subur, serta sumber air yang mencukupi memberi kelebihan kepada negeri ini untuk mampu mengembangkan sektor pertaniannya dan menyumbang kepada ekonomi negara.

KUPASAN LANJUT ► F2 & F3

Transformasi ke arah keterjaminan makanan, peningkatan ekonomi

Oleh NOOR SARA MASHITOH
MOHAMAD HANIF

PERLIS, walaupun merupakan negeri terkecil di Malaysia, berterusan menunjukkan daya saing dalam sektor pertanian dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan pihak berkaitan.

Dipacu oleh visi untuk meningkatkan keterjaminan makanan, mengurangkan kebergantungan kepada import, serta mempelbagaikan hasil pertanian, negeri ini sedang giat melaksanakan pelbagai projek yang berimpak tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Pengguna negeri, Razali Saad, memainkan peranan penting dalam menerajui perubahan landskap pertanian Perlis.

Beliau bukan sahaja aktif memperkenalkan tanaman baharu, malah sentiasa turun padang memastikan setiap inisiatif yang dirancang membawa manfaat jangka panjang kepada petani dan masyarakat setempat.

Perintis tanaman bawang merah

Salah satu usaha utama yang sedang giat dijalankan ialah penanaman bawang merah, yang diharapkan



Razali menunjukkan hasil tanaman bawang yang sudah dituai.



Projek perintis tanaman bawang di Perlis bermula pada November 2024.

dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada bawang import.

Projek perintis ini bermula pada November 2024 dan telah menunjukkan kejayaan awal dengan hasil tuaian pertama sebanyak 300 kilogram dari kawasan seluas 0.3 hektar.

"Ketika ini, kita masih bergantung kepada bawang import dari India, Pakistan, China dan Thailand.

"Dengan kejayaan projek ini, kita menyasarkan pengeluaran 10 tan bawang setahun dalam tiga musim tanaman," ujar Razali ketika ditemui *Harakah* dalam satu lawatan projek tanaman bawang di Kampung Rambai, Padang Siding.

Potensi besar pasaran premium Vanilla

Selain bawang, kerajaan negeri turut memperkenalkan

tanaman vanilla sebagai sebahagian daripada strategi untuk mempelbagaikan hasil pertanian.

Projek tanaman vanilla pertama di Perlis dimulakan di Kampung Kubang Gajah, hasil cetusan idea Razali selepas sesi taklimat dengan pengusaha vanilla dari Menglembu, Perak dan Dabong, Kelantan.



Penanaman varieti Bima Brebes dari Indonesia di Perlis menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

Inisiatif Pusat Koreksional Perlis, Guar Nangka



Tanaman halia baru yang dulusahkan di Inisiatif Pusat Koreksional Perlis, Guar Nangka.

SATU lagi inisiatif unik ialah projek pertanian di Pusat Koreksional Perlis, Guar Nangka, yang mengintegrasikan pertanian dengan program pemulihan banduan.

Projek ini termasuk penanaman halia dari spesies Halia Bara dan Halia Bentong yang baru dimulakan dua bulan lalu.

Dalam memastikan kelangsungan dan kejayaan projek pertanian ini, kerajaan negeri memberikan pelbagai bentuk sokongan termasuk

insentif seperti benih, input pertanian dan infrastruktur kepada pengusaha.

Antara langkah lain yang diambil termasuk latihan dan bimbingan kepada petani serta pembangunan infrastruktur seperti sistem pengairan dan jalan ladang bagi memudahkan akses ke kawasan pertanian.

Dengan pelbagai usaha ini, Perlis kini berada di landasan yang tepat untuk menjadi negeri yang lebih mampan dalam sektor pertanian.

Peningkatan hasil pertanian dan infrastruktur bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan kepada import, malah dapat menjadikan Perlis sebagai pembekal utama produk pertanian dalam negara.

Dengan komitmen yang tinggi daripada kerajaan negeri, petani, dan usahawan tempatan, masa depan pertanian Perlis dilihat cerah dan berpotensi menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negeri dan negara.

Ilham dari *popcorn*: Pasangan suami isteri tanam vanila

Oleh NOOR SARA MASHITOH MOHAMAD HANIF

BERMULA dengan cita-cita menghasilkan bertih jagung (*popcorn*) berperisa vanila, pasangan suami isteri dari Kampung Kubang Gajah, Nurul Aimi Syazana Baba, 32, dan Zainudin Zainul Abidin, 38, kini melangkah lebih jauh dengan menanam pokok vanila sendiri.

Menurut Nurul Aimi, mereka mendapat bimbingan daripada pengusaha tanaman ini, Jaafar Muhammad dari Selangor bagi memahami cara penanaman vanila sebelum beralih ke fasa pembungaan dan pempuan.

"Kami kini dalam fasa menjaga tumbesaran pokok vanila, memastikan persekitarannya teduh, lembap serta mengekalkan kelembapan dan suhu yang sesuai," katanya.



Nurul Aimi dan Zainudin memeriksa tanaman vanila mereka.

Mereka baru memulakan projek ini pada 12 Februari lalu dengan jangkauan hasil pertama dapat dituai dalam tempoh tiga tahun, sekitar bulan Februari.

Setiap pokok berpotensi menghasilkan kira-kira satu kilogram vanila, dan mereka telah menanam 100 pokok sebagai permulaan.

"Kegunaan vanila sangat luas, dari pencuci mulut seperti roti, kek, dan kopi hingga produk lain seperti deodoran vanila. Kami masih dalam proses menghasilkan popcorn vanila sendiri," tambahnya.

Nurul Aimi berkata, minat terhadap vanila bermula selepas menyertai kursus



Tanaman vanila mempunyai potensi tinggi jana keuntungan.

yang dianjurkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad yang membuka mata mereka terhadap potensi tanaman ini.

Projek ini menelan belanja sekitar RM5,000, termasuk kos anak pokok yang berharga RM15 sebatang. Mereka turut

menggunakan daun buluh, mikroba, dan sabut untuk mengekalkan kelembapan tanah.

Sebelum ini, mereka pernah mencuba menghasilkan *popcorn butterscotch* dan perisa mangga Harumanis, namun tidak mencapai sasaran yang diharapkan.

Pengeluaran tanaman Perlis 2023


Menurut laporan Jabatan Pertanian Negeri Perlis, pengeluaran tanaman makanan utama bagi tahun 2023 menunjukkan perkembangan positif dalam sektor pertanian negeri.

Berikut adalah data yang dicatatkan:

- 1 Padi kekal sebagai tanaman utama dengan dua kategori kawasan:
 - Kawasan MADA: 9,727 projek dengan keluasan 19,035.09 hektar, menghasilkan 172,609.37 metrik tan dengan nilai RM310,696,884.00 dan purata pendapatan petani sebanyak RM2,000 sebulan.
 - Kawasan luar jelapang: 88 projek dengan keluasan 10,166.29 hektar, menghasilkan 79,173.60 metrik tan bernilai RM142,511,400.00 dengan purata pendapatan RM1,747 sebulan.
- 2 Mangga Harumanis mencatatkan pengeluaran sebanyak 1,568.98 hektar dengan hasil tahunan 28,591,478.00 metrik tan, memberikan pendapatan purata RM2,379 kepada petani.
- 3 Sayur-sayuran pula diusahakan oleh 197 petani di atas tanah seluas 192 hektar, menghasilkan RM11,241,400.00 dengan purata pendapatan RM2,869 sebulan.
- 4 Tanaman kontan seperti ubi kayu dan keledak ditanam di kawasan seluas 11 hektar dengan hasil RM464,560.00.
- 5 Kelapa mencatatkan keluasan tanaman seluas 561 hektar dengan hasil tahunan RM8,508,835.00 dan purata pendapatan RM1,000 sebulan.
- 6 Halia, yang menjadi antara tanaman baharu di Perlis, menghasilkan 2.50 metrik tan dengan nilai RM15,000.00 dan pendapatan RM520 sebulan.
- 7 Bawang, vanila, dan kopi masih dalam fasa awal dengan projek perintis yang dijalankan di beberapa lokasi, menunggu hasil pertama dalam masa terdekat.



Perbandingan hasil tahun 2023 bagi tanaman selain padi dan mangga harumanis



Perbandingan hasil tahun 2023 bagi padi dan mangga harumanis